

Malam Puisi Gaza

» Luapan amarah kepada regim Zionis, solidariti buat Palestin

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

J eritan penduduk Gaza yang terus dihambat derita angkara kezaliman rejim Zionis disahut dengan puisi protes pada Malam Puisi Gaza 2014: Ekspresi Jiwa dan Munajat Doa Buat Palestin di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, baru-baru ini.

Kemarahan yang meluap-luap tidak dapat disembunyikan dan dapat dilihat pada luahan kekesalan terhadap kesengsaraan yang terpaksa ditanggung rakyat Gaza dengan menyampaikan puisi dalam nada jeritan yang menaikkan semangat penonton.

Tirai acara dibuka dengan bacaan doa kepada umat Palestin oleh wakil Majlis Perwakilan Pelajar USIM, Muham-

juga terserah dengan tetamu kehormat, penyair dan deklamator mengenakan baju berwarna hitam yang tertera sokongan untuk Palestin pada malam yang turut menampilkan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Dr Awang Sariyan yang membacakan puisinya, *Usah Kita Sekadar Menangis*.

Emosi penonton semakin dibakar dengan penampilan Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad yang membuat emosi khalayak ketika menyampaikan puisi, *Sekeping Nota Untuk Gaza*.

Aktivis teater, Rasdi Daud tidak dapat mengawal perasaan apabila mendeklamasikan puisi berjudul *Assalamualaikum Gaza*, sekali gus mengingatkan rejim Zionis yang tidak berhati perut.

Israel kau telah melampau bilakah malam panjang ini akan berakhir di tanah lahirnya nabi-nabi dan para malaikat berjalan mundar-mandir di bumimu doa-doa tulus yang pernah dilafazkan dari mulut kekasihmu



Prof Musa (tengah) menyampaikan sumbangan untuk Tabung Gaza kepada Awang Sufian (dua dari kanan) pada Malam Puisi Gaza.

[FOTO AZHAR RAMLI/BH]



Tetamu kehormat dan orang ramai hadir memberi sokongan pada Malam Puisi Gaza 'Ekspresi Jiwa & Munajat Doa untuk Palestin' di Dewan Besar USIM, Nilai.

mad Irsyad Norzamri yang disampaikan secara puitis, sebelum disambut Pengarah Urusan Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), Mohd Khair Ngadiron dengan puisi Al-Aqsa Terpenjara.

Dan kalau kita tidak hadir memberi sokongan al-Aqsa akan terus terpenjara dan kalau kita terus alpa jangan menangis kalau al-Aqsa bukan lagi milik kita

Baju hitam tanda sokongan
Sokongan padu terhadap Gaza



Ismail Ahmed

Kemunculan trio deklamator wanita, iaitu 3 Jiwa yang dianggotai oleh Haryani Harun, Lin Haslinaz dan Ayudez Fia, menggegarkan pentas ketika tampil menyampaikan puisi bertajuk *Gaza 'menaikkan rom' menyaksikan kesungguhan mereka menyampaikan puisi yang meratapi nasib rakyat wilayah itu.*

Anak-anak Palestin perjalananmu adalah sekadar kesempatan untuk menghirup seksa yang tak terkata pengalamannya adalah mata fikir yang tiada hentiannya kebebasanmu adalah penaklukan setiap keduaaan.

Balada gadis kecil

Acara yang turut dihadiri Ketua Pengarah Eksekutif Aman Palestin, Awang Sufian Awang Piut itu, ditutup dengan nyanyian beramai-ramai tetamu, penyair dan deklamator dengan lagu ciptaan komposer terkenal, Allahyarham Zubir Ali, iaitu *Balada Seorang Gadis Kecil*.



Trio deklamator wanita yang dikenali sebagai 3 Jiwa, iaitu dari kiri; Ayudez Fia, Haryani Harun dan Lin Haslinaz.

Gadis kecil itu telah bertahun dicengkam derita di khemah perlarian yang merjanjikan duka cita Munir tak mengenal erti cinta telah kering air mata menangisi kematian ayah bonda dan saudara

Acara anjuran USIM bersama DBP, Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA) dan ITBM serta BH sebagai rakan media itu turut menampilkan Pemenang Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEAWrite) 2000, Dr Lim Swee Tin; penyanyi lagu puisi, Siso dan Fauzi Marzuki serta Pensyarah Jabatan Bahasa dan Kemanusiaan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Shamsudin Othman.

Malam puisi itu turut dimeriahkan oleh deklamator seperti Ahmad Shukri Abdullah, Aris Othman, Mohd Salehudin Sukor, Faiz Aziz dan Khairil Kamarudin (J-mat).

Sementara itu, Pengarah Pusat Kebu-

dayaan USIM merangkap Timbalan Pengurus Malam Puisi Gaza 2014, Ismail Ahmed berkata, persembahan itu boleh disaksikan melalui laman sesawang USIM di www.usim.edu.my/malampuisigaza, sekali gus boleh menderma untuk Gaza.

“Selepas menonton, orang ramai diharap dapat klik butang *Like* sebagai tanda sokongan dan menyumbang melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) dengan mendaftar Palestine RM1, RM5 atau RM10 ke talian 39111.

“Persembahan Malam Puisi Gaza ternyata mendapat sambutan amat memberangsangkan dan USIM berjaya mengutip hampir RM10,000 yang kemudian diserahkan kepada Tabung Aman Palestin,” katanya.



Shamsudin Othman